

Tiada aduan penjualan cecair pembasmi kuman buatan sendiri -KPDNHEP

Mei 14, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



JOHOR BAHRU, 14 Mei - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menerima sebarang aduan daripada pengguna berhubung penjualan cecair pembasmi kuman buatan sendiri dan pelitup muka telah digunakan di pasaran.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi bagaimanapun tetap mengingatkan pengguna supaya tidak mudah tertipu dengan penjualan produk berkenaan, sekiranya terdapat di pasaran.

Beliau berkata demikian selepas melawat stok bekalan barang makanan kering di sebuah gudang di Masai, Johor.

Sehingga semalam 53,349 pemeriksaan premis dan pemantauan dilaksanakan KPDNHEP sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac lalu.

Penguatkuasaan merangkumi pemeriksaan ke atas 1,427 pengilang, 11,453 pemberong dan 40,469 peruncit.

KPDNHEP turut menerima 20,572 aduan berkaitan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18341-tiada-aduan-penjualan-cecair-pembasmi-kuman-buatan-sendiri-kpdnhep>